

14.0 TATACARA PENGENDALIAN PERUNTUKAN ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN AHLI MAJLIS

14.1 BAYARAN TETAP AHLI MAJLIS

Subseksyen 10(9), Akta 171 memperuntukkan seperti berikut:

"Tiap-tiap seorang Ah/i Maj/is dan seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa di bawah seksyen 28 hendak/ah dibayar gaft ataci boleh dibayar e/aun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri".

Selaras dengan kehendak PBN untuk menyeragamkan elaun-elaun tetap yang wajib diterima oleh setiap Ahli Majlis, berikut digariskan ketetapan yang telah diputuskan oleh PBN.

14.1.1 Elaun Tetap (merujuk keputusan MMKN 6/2017)

(a) Kadar Elaun Tetap Ahli Majlis adalah:

- Majlis Bandaraya/ Perbandaran: RM2,500.00 sebulan.
- Majlis Daerah: RM2,000.00 sebulan.

(b) Kelayakan pemberian Elaun Tetap kepada Ahli Majlis yang cuti bersalin adalah tertakluk kepada PBT masing-masing. Perkara ini adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh Akta Kerajaan Tempatan, di mana "Ahli Majlis" berhubungan dengan sesuatu PBT, ertinya seseorang yang dilantik di bawah Akta ini untuk berkhidmat dalam PBT itu dan termasuklah Datuk Bandar atau Yang Dipertuanya.

14.2 LAİN-LAIN PEMBAYARAN KEPADA AHLI MAJLIS

Perenggan 101 (1 Akta 171 memperuntukkan seperti berikut:

"101. (1) Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan o/eh Akta ini atau o/eh mana-mana undangundang beftulis lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi me/akukan sega/a ataci mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu..